



AFENDI MOHAMMED | BERITA HARIAN

NAJIB bersama (dari kiri) Johan, Rais, Faizal, Mok, Nur Fatima dan Ketua Pegawai Eksekutif Celcom Berhad, Datuk Shazaly Ramly dengan replika cek pemenang di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

Karya Audi Mok menangi pencarian lagu 1Malaysia

B.H 3/9/09 MTS2

Najib ambil masa lebih sejam dengar 10 finalis pilihan rakyat

Oleh Johari Ibrahim dan Mohd Hamizar Hamid
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Lagu *Malaysia Satu* ciptaan Audi Mok dan dinyanyikan Faizal Tahir dipilih menerusi undian rakyat Malaysia sebagai pemenang pertandingan Pencarian Lagu 1Malaysia, menewaskan sembilan finalis lain.

Kemenangan lagu berkenaan berirama rancak dengan lirik nukilan Nur Fatima Abd Wahab, membolehkan mereka meraih hadiah RM25,000. Keputusan pertandingan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, di Jabatan Perdana Menteri, semalam.

Bercakap pada sidang media selepas itu, Najib berkata, beliau menerima lagu *Malaysia Satu* yang mendapat 30.77 peratus undian menewaskan semua lagu lain berikutan lagu itu adalah pilihan rakyat.

“Saya terima dengan baik

keputusan ditentukan rakyat Malaysia sendiri. Nampaknya mereka memilih satu lagu rancak, bersemangat dan iramanya sesuai dengan generasi muda,” katanya.

Hadir sama Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Koh Tsu Koon; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Pengerusi Media Prima Berhad, Datuk Johan Jaaffar.

Pertandingan yang dimulakan bulan lalu dan disiarkan menerusi stesen radio Hotfm itu menyaksikan 10 la-

“Saya terima lagu *Malaysia Satu* berikutan lagu itu pilihan rakyat”

Najib Razak
Perdana Menteri

gu dipilih ke peringkat akhir daripada lebih 350 penyertaan yang diterima.

Mengenai ada dua lagu bertema 1Malaysia, iaitu satu dihasilkan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM), Najib berkata, tidak ada masalah akan timbul, malah kedua-dua lagu boleh digunakan dalam majlis rasmi.

“Mungkin kita boleh ubah suai jika nak nyanyikan lagu ini (*Malaysia Satu*) secara koir kerana nadanya sangat tinggi. Lagu yang dihasilkan RTM senang dinyanyikan secara koir,” katanya.

Najib juga berkata, beliau menghabiskan kira-kira sejam mendengar semua 10 lagu itu pada Sabtu lalu, di pejabatnya.

Sementara itu, Mok pada sidang media berasingan berkata, lagu itu dicipta dalam tempoh dua jam.

“Saya tidak menyangka lagu ini akan menang, kerana

ketika mencipta, saya sedang sibuk dengan pembikinan album kedua Faizal,” katanya.

Sementara itu, Yayasan 1Malaysia melancarkan program ‘Kisah 1Malaysiaiku’ bagi memberi peluang kepada rakyat menghantar pandangan dan interpretasi terhadap konsep 1Malaysia di laman webnya di www.1malaysia.org.my.

Ketua Pegawai Eksekutif yayasan berkenaan, Noorhaina Hirawani Mohd Noor, berkata inisiatif dalam talian itu bagi membolehkan rakyat berkongsi pendapat melalui saluran betul.

“Rakyat memberikan pelbagai pendapat dalam cara berbeza terhadap konsep 1Malaysia ketika ia diperkenalkan Perdana Menteri,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Untuk maklumat lanjut dan garis panduan penyer-taan, lawati seksyen Komuniti 1Malaysia di www.1malaysia.org.my atau hubungi 03-6203 9313.